

PROGRAM 'COMMUNITY DRUMMING' DI SABAH

KPDNHEP peruntuk RM44 juta

[FOTO KHAIRULLAZRY BIDIN/BH]



➔ Pusat serap kos pengangkutan bolehkan harga seperti Semenanjung

Oleh Suzianah Jiffar
suzianah@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memperuntukkan kira-kira RM44 juta untuk pelaksanaan program 'community drumming', di Sabah yang bermula sejak April lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sebanyak 66 zon dan lebih 700 'point of sales' (POS) terlibat dalam program itu di Sabah.

Mohd Shafie menerima kunjungan hormat Saifuddin Nasution di Kota Kinabalu, semalam.

Menerusi program itu, katanya, kerajaan menyerap kos pengangkutan bagi membolehkan penduduk di Sabah khususnya di pedalaman menikmati harga yang sama seperti di Semenanjung.

Babit tujuh barangan

"Pelaksanaan program itu membabitkan tujuh barangan antaranya minyak masak, gula, diesel dan petrol serta gas petroleum cecair (LPG). Usaha ini adalah

antara komitmen Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian untuk memastikan harga bagi bekalan barangan perlu sama seperti yang dinikmati pengguna di Semenanjung.

"Sebab itu, menerusi program ini, kita sudah menyerap kos pengangkutan kerana ia (kos pengangkutan) boleh menyebabkan kenaikan kos (barangan)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan

hormat kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (PPNS), di sini, semalam.

Sementara itu, Mohd Shafie berkata, program 'community drumming' dan bekalan minyak masak bersubsidi satu program sentiasa dipantau.

"Ini bagi memastikan program berjalan lancar dan kon-traktor yang dilantik akan menjalankan kerja mereka dengan sebaiknya," katanya.